

## Penerapan Rutin Berfikir MTV 'Apa Yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' Dalam Pembelajaran Kata Hubung

Sekolah Rendah Fengshan



**Ruhaidah Rahmat**

ruhaidah\_rahmat@schools.gov.sg



**Raba'ah Ismail**

rabaah\_ismail@schools.gov.sg

### Abstrak

Penggunaan kata hubung yang betul mengikut situasi dan konteks dalam ayat amat penting. Namun, tidak semua murid yang tahu menggunakan kata hubung dengan betul. Oleh itu, Bagi kajian ini, menerapkan rutin berfikir 'Apa Yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' (AYMABB) daripada kumpulan *Making thinking Visible* (MTV) atau Menjadikan Pemikiran Jelas untuk membantu murid menginterpretasi situasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat. Seramai 15 murid Darjah 6 daripada praaras kebolehan terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan rutin berfikir ini berkesan dalam meningkatkan keupayaan murid membuat interpretasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul di dalam ayat.

Kata Kunci: kata hubung, rutin berfikir, pengajaran eksplisit, golongan kata, sistematik



## PENGENALAN

Pengajaran penggunaan kata hubung sangat penting untuk diajarkan di sekolah kerana ia melibatkan aspek tatabahasa yang sukar dikuasai oleh murid. Kata hubung ialah kata yang digunakan untuk menghubungkan perkataan, frasa dan ayat. Setiap kata hubung mempunyai fungsi dan makna yang tersendiri mengikut konteks ayat.

Untuk mengajar murid penggunaan kata hubung yang betul, guru harus memberikan banyak contoh sebelum menjelaskan penggunaan dan fungsinya. Berdasarkan sampel data yang dikumpulkan, kebanyakan murid masih keliru dan tidak pasti dengan penggunaan kata hubung. Oleh itu, rutin berfikir 'Apa Yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' (AYMABB) diterapkan dalam pengajaran bagi membantu murid untuk berfikir dengan lebih kritikal dan sistematik. Rutin berfikir AYMABB telah digunakan dalam kajian ini untuk membantu murid menginterpretasi situasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat.

## PERNYATAAN MASALAH

Kata hubung sering digunakan oleh murid-murid dalam penulisan. Namun, murid-murid sering keliru dan tidak pasti dengan penggunaan kata hubung yang betul dalam penulisan ayat. Guru mendapati murid-murid kurang berupaya menggunakan kata hubung yang betul dalam ayat kerana murid-murid tidak pasti akan fungsi dan penggunaan kata hubung tersebut berdasarkan konteks ayat yang diberikan bagi situasi yang berbeza.

Oleh itu, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan rutin berfikir AYMABB dalam pengajaran kata hubung. Selain itu, penggunaan rutin berfikir AYMABB ialah satu amalan yang dapat membina kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Rutin berfikir ini memberi peluang kepada murid untuk membuat interpretasi dan memberikan sebab dan bukti penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat. Penggunaan rutin berfikir AYMABB diharapkan dapat membina kemahiran berfikir murid dengan lebih sistematik.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir AYMABB;
2. meningkatkan keupayaan murid untuk mengenal pasti penggunaan kata hubung yang tepat dalam ayat; dan
3. mewujudkan budaya berfikir secara kritis dan sistematik dalam kelas.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1996), kata hubung merupakan kekata yang dikategorikan sebagai kata tugas untuk menghubungkan ayat-ayat kecil menjadi ayat majmuk. Ia juga disebut sebagai kata penyambung ayat. Tatabahasa Dewan menjelaskan dua jenis kata hubung, iaitu, kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan. Penggunaan kata hubung yang tepat dapat meningkatkan penulisan murid-murid.

Pada tahun 2005, Ron Ritchhart dan David Perkins telah mempelopori Project Zero yang mengetengahkan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV). Kajian yang dipelopori oleh mereka menggunakan rutin-rutin berfikir untuk membantu proses pemikiran murid dan menggalakkan murid untuk menyatakan pemikiran mereka secara nyata dan jelas. Kajian yang dijalankan mereka ini menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran guru. Daripada hasil data yang terkumpul menunjukkan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini berupaya melibatkan diri secara aktif di dalam kelas dan berfikir secara jelas dan berstruktur.

Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh pandangan Cox dan Abbott (2004), yang bersependapat bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara terancang, berstruktur dan bersesuaian dengan strategi yang digunakan mampu meningkatkan kecekapan berfikir serta merangsang minat murid dalam pelajaran. Namun, untuk meraih manfaat secara maksimum dan berkesan, guru haruslah bijak menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai terutamanya dalam pemilihan rutin berfikir.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Azah Ismail dan Farrah Ghazali (2018), menunjukkan penggunaan rutin berfikir AYMABB telah dapat membantu pelajar meningkatkan menjana idea yang lebih berstruktur bagi pelajaran lisan. Kajian yang sama yang dijalankan oleh Suriana Mohamed Bakri dan Sri Rahayu Mohd Amin (2021) dengan menggunakan rutin berfikir AYMABB bagi pelajaran interaksi lisan telah menunjukkan rutin berfikir ini telah dapat meningkatkan

keupayaan berfikir, memperdalam pemahaman dan meningkatkan kemahiran interaksi lisan murid.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir MTV yang diutarakan oleh Richhart R., Church M. dan Morrison K (2011). Rutin Berfikir AYMABB yang tergolong dalam kelompok rutin untuk mengupas idea lebih mendalam telah digunakan sebagai instrumen kajian.

Bagi mencapai objektif pengajaran kata hubung, kaedah pengajaran eksplisit yang dikemukakan oleh Rosenshine (1985) juga digunakan agar pengajaran lebih berstruktur dan sistematik. Kaedah pengajaran ini digunakan sebagai panduan bagi melakar rancangan pelajaran yang lebih tersusun. Pengajaran secara eksplisit ini terdiri daripada lima peringkat, iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan strategi pembelajaran kooperatif dan menerapkan penilaian formatif menggunakan FAST *kits* agar aktiviti yang dijalankan lebih menarik dan interaktif. Murid-murid juga berpeluang bekerjasama dalam menyelesaikan tugas dalam kumpulan masing-masing.

Guru juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam PdP ini. Sila rujuk Jadual 1.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi: Penggunaan rutin berfikir 'Apa Yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' (AYMABB) digunakan untuk memupuk kerjasama dan interaktiviti dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang melibatkan pelajar. Guru mengajak murid berbincang dan mencatatkan hasil perbincangan menggunakan templat rutin berfikir AYMABB.

	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru melakukan modeling. Modeling boleh merangsang minat murid belajar menerusi penelitian. Guru memberikan contoh bagaimana murid boleh membuat interpretasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul di dalam ayat.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Guru memberikan senarai semak agar murid dapat memberi maklum balas tentang pelajaran mereka. Guru menggunakan respons murid untuk menentukan pemahaman murid terhadap pembelajaran.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 6 Bahasa Melayu daripada praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 15 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid membuat interpretasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat.

## Instrumen Kajian

Rutin berfikir AYMABB telah digunakan sebagai instrumen kajian. Templat rutin berfikir AYMABB telah diubah suai mengikut keperluan pembelajaran. Keupayaan murid dinilai dari segi cara murid membuat interpretasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat.

Templat rutin berfikir AYMABB digunakan sebagai instrumen kajian kerana murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penggunaan templat ini menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam. Selain itu, guru juga memantau sikap murid semasa melakukan kerja kumpulan. Pemerhatian guru terhadap aktiviti berkumpulan turut diambil kira dalam kajian ini. Borang refleksi digunakan untuk memantau dan mengenal pasti kelakonan murid. Maklum balas yang dikumpulkan akan digunakan oleh guru sebagai rujukan untuk mengubah suai rancangan pelajaran demi mencapai objektif pembelajaran dalam kalangan murid.



## Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan selama dua hari dan mengambil masa lebih kurang dua jam. Terdapat dua pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Bagi pengajaran yang pertama, murid dikenalkan dengan kata hubung dan penggunaannya. Bagi menjadikan pelajaran ini menyeronokkan, guru telah menjalankan kuiz. Murid dikehendaki memikirkan kata hubung yang tepat berdasarkan ayat yang diberikan oleh guru. Jawapan murid dicatatkan di dalam log pembelajaran bersama.

Seterusnya, bagi pelajaran yang kedua, murid dibimbing mengenal pasti kata hubung yang betul atau salah dalam ayat dengan menggunakan templat rutin berfikir AYMABB. Untuk pelajaran kedua, murid diajar menggunakan templat rutin berfikir AYMABB untuk membuat interpretasi dengan memberi sebab penggunaan kata hubung yang betul atau salah dalam ayat. Murid juga harus meneliti ayat yang mempunyai kata hubung yang salah atau betul. Setelah itu, murid harus membuat interpretasi dan memberi penjelasan tentang penggunaan kata hubung yang terdapat dalam ayat tersebut. Bagi memastikan murid dapat memahami penggunaan kata hubung yang dipelajari, mereka dikehendaki berbincang secara berkumpulan dan memberi sebab mengenai kata hubung yang terdapat dalam ayat. Berdasarkan penilaian sendiri, analisis dilakukan bagi melihat keberkesanan pengajaran kata hubung ini.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian dikumpulkan berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid. Dapatan kajian menunjukkan murid berasa seronok mempelajari kata hubung dengan menggunakan rutin berfikir AYMABB.

Setelah aktiviti modeling dilaksanakan, murid dapat meneliti kata hubung yang digunakan dalam ayat dan kemudian mengenal pasti jika penggunaan kata hubung itu betul atau salah. Murid-murid juga lebih yakin dan berupaya membuat interpretasi dan memberi sebab penggunaan kata hubung yang tepat bagi menggantikan kata hubung yang salah dalam ayat. Sila rujuk Jadual 2.

**Jadual 2: Contoh Hasil Kerja Murid bagi Penggunaan Kata Hubung dalam Ayat**

Ayat	Apakah yang berlaku?	Mengapakah awak berkata begitu? Jelaskan.
Bapa Manisah masuk ke biliknya <b>lalu</b> membuka almari.	Penggunaan kata hubung <b>lalu</b> dalam ayat itu adalah <b>betul</b> .	Kata hubung <b>lalu</b> digunakan untuk <b>menunjukkan perbuatan yang dilakukan secara berturut-turut</b> . Ayat ini menjelaskan bahawa setelah Bapa Manisah masuk ke biliknya, dia terus membuka almari.
Rosmah menangis kesakitan <b>sambil</b> kakinya tersepit di pintu.	Penggunaan kata hubung <b>sambil</b> dalam ayat itu adalah <b>salah</b> .	Kata hubung <b>sambil</b> digunakan untuk <b>menunjukkan dua perbuatan yang dilakukan pada masa yang sama</b> . Kata hubung yang <b>betul</b> yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini adalah <b>kerana</b> . Kata hubung <b>kerana</b> digunakan untuk <b>menjelaskan sesuatu sebab atau perkara itu berlaku</b> . Ayat ini menjelaskan yang Rosmah menangis disebabkan sesuatu perkara yang berlaku, iaitu kakinya tersepit di pintu.
Pembantu rumah itu menggosok baju <b>kerana</b> menonton televisyen.	Penggunaan kata hubung <b>kerana</b> dalam ayat itu adalah <b>salah</b> .	Kata hubung <b>kerana</b> digunakan untuk <b>menjelaskan sesuatu sebab atau perkara itu berlaku</b> . Kata hubung yang <b>betul</b> yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini adalah <b>sambil</b> . Kata hubung <b>sambil</b> digunakan untuk <b>menunjukkan dua perbuatan yang dilakukan pada masa yang sama</b> . Ayat ini menerangkan yang pembantu rumah itu <b>sedang melakukan dua perkara</b> dalam satu masa iaitu <b>pertama, menggosok baju, dan kedua, menonton televisyen</b> .
Buku <b>sambil</b> alat tulis itu dibeli oleh Masyitah di kedai Toko Warisan.	Penggunaan kata hubung <b>sambil</b> dalam ayat itu adalah <b>salah</b> .	Kata hubung <b>sambil</b> digunakan untuk <b>menunjukkan dua perbuatan yang dilakukan pada masa yang sama</b> . Kata hubung yang <b>betul</b> yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini adalah <b>dan</b> kerana ayat ini <b>menambahkan subjek pada ayat tersebut</b> .
Kami diberi pilihan sama ada hendak melawat Taman Haiwan <b>lalu</b> berkelah di Pulau Sentosa.	Penggunaan kata hubung <b>lalu</b> dalam ayat itu adalah <b>salah</b> .	Kata hubung <b>lalu</b> digunakan untuk <b>menunjukkan perbuatan yang dilakukan secara berturut-turut</b> . Kata hubung yang <b>betul</b> yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini adalah <b>atau</b> kerana ayat ini <b>menunjukkan sesuatu pilihan</b> iaitu hendak melawat Taman Haiwan atau berkelah di Pulau Sentosa.



Diyannah makan mi goreng <b>sambil</b> mendengar radio.	Penggunaan kata hubung <b>sambil</b> dalam ayat itu adalah <b>betul</b> .	Kata hubung <b>sambil</b> digunakan untuk <b>menunjukkan dua perbuatan yang dilakukan pada masa yang sama</b> . Ayat ini menjelaskan <b>dua perbuatan yang dilakukan</b> oleh Diyanah, <b>pertama</b> , dia sedang <b>makan mi goreng</b> , <b>kedua</b> , dia sedang <b>mendengar radio pada masa yang sama</b> .
---	---	---

Dapatan kajian ini menunjukkan 80% murid berjaya membuat interpretasi dan memberi sebab penggunaan kata hubung yang tepat bagi menggantikan kata hubung yang salah dalam ayat.

Berdasarkan pemantauan guru dan respons terbuka murid, dapat disimpulkan bahawa murid-murid mudah mengikuti pembelajaran kata hubung menggunakan rutin berfikir AYMABB. Penggunaan templat rutin berfikir AYMABB membantu meningkatkan keupayaan murid untuk mengenal pasti penggunaan kata hubung yang tepat dalam ayat. Selain itu, nilai-nilai positif seperti bekerjasama juga dapat dilihat ketika murid melakukan tugasan secara berkumpulan.

Berdasarkan refleksi murid, keberkesanan rutin berfikir AYMABB dalam pengajaran kata hubung dapat dinilai. Dapatan menunjukkan 93.2% murid mengatakan mereka memahami rutin berfikir AYMABB dengan baik, 93.2% murid dapat mengenal pasti kata hubung yang terdapat dalam ayat dan 80% murid dapat menerangkan penggunaan kata hubung dalam ayat dengan tepat.

**Jadual 3: Contoh Hasil Kerja Murid dalam Penulisan Karangan**

<p><b>Contoh 1</b></p> <p>Cuaca pada hari itu amat panas. Siti <b>dan</b> laila sedang duduk di perhentian bas <b>sambil</b> berbual-bual mengenai projek sekolah mereka. Semasa sedang menunggu bus tiba-tiba mereka ternampak seorang wanita tua terjatuh.</p>
<p><b>Contoh 2</b></p> <p>Siit tidak berjaya menghalang budak lelaki itu <b>kerana</b> budak lelaki itu berlari seperti kilat.</p>
<p><b>Contoh 3</b></p> <p>Semasa Siti dan laila sedang menolong wanita tua itu, seorang budak lelaki datang <b>lalu</b> mencapai beg wanita tua itu.</p>

Dapatan ini menunjukkan bahawa murid berfikir dengan lebih kritikal ketika memilih kata hubung yang tepat dalam ayat dengan menggunakan rutin berfikir AYMABB. Keyakinan murid yang berada pada praaras kebolehan juga dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama pemahaman murid terutamanya



bagi aspek menjelaskan penggunaan sesuatu kata hubung itu dengan tepat dapat dikukuhkan. Rujuk Jadual 3.

## CADANGAN

Kajian ini memberikan tumpuan pada beberapa kata hubung. Kaedah yang digunakan boleh dilanjutkan bagi jenis kata hubung yang lain. Selain itu, guru juga boleh menerapkan rutin berfikir AYMABB ini untuk murid pada tahap melebihi aras kebolehan. Ini membolehkan guru meneliti bagaimana rutin berfikir ini dapat digunakan bagi semua peringkat. Dicadangkan juga rutin ini digunakan untuk pembelajaran komponen tatabahasa yang lain dan juga untuk aspek kemahiran bahasa seperti kemahiran bertutur dan membaca.

## KESIMPULAN

Rutin berfikir AYMABB yang diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu mampu memberikan keberkesanan dalam menjana pemikiran murid secara kritikal dan sistematik. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa rutin berfikir yang digunakan dapat membantu murid dalam proses pembelajaran menggunakan kata hubung dengan tepat.

Pemilihan strategi dan bahan pengajaran yang efektif dan menyeronokkan dapat membantu murid untuk mengatasi kesulitan dalam pembelajaran. Tahap Modeling dalam pengajaran secara eksplisit juga membuat konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan berstruktur. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator ketika sesi perbincangan dan soal jawab agar dapat menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dalam kalangan murid dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan di dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Fatimah Johari
2. Hazliana Mahat
3. Siti Khadijah Ahmad
4. Hafidah Mahat



## RUJUKAN

- Cox, M. J. and Abbott, C. (Eds) (2004), *ICT and Attainment – A Review of the research literature*. Coventry, Becta/London, DfES.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Hj Musa (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*: Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nor Azah Ismail dan Farrah Mohamed Ghazali (2018). Kajian pengajaran penggunaan rutin berfikir MAKB dan fikir tulis dalam pengajaran lisan. Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2018, Pengajaran Inovatif, Pemikiran Kreatif. Hal.58-67. Pusat Bahasa Melayu Singapura Oxford Graphic Pte Ltd
- Othman Yahya (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang:PTS Professional Publishing.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press.
- Suriana Mohamed Bakri dan Sri Rahayu Mohamed Amin (2021). Membina keupayaan berfikir dalam kemahiran lisan. Prosiding Seminar Bahasa, memperkukuh Pengajaran dan Pembelajaran: Meningkatkan Kemahiran Berbahasa. Hal. 219-231. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.